



17
OCT, 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UITM CAWANGAN KELANTAN

👤 Unit Komunikasi Korporat 📄 Events (/Index.Php/En/Events) 🕑 Hits: 76

Memorandum of Agreement (MoA) Signing Ceremony between Universitas Muslim Nusantara Al-Washliyah (UMN AW), Indonesia and Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

MACHANG, 16 Oktober - Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) dengan kerjasama *Office of International Affairs*, UiTM Cawangan Kelantan telah berjaya mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universitas Muslim Nusantara Al-Washliyah (UMN AW), Indonesia dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia secara maya melalui platform *YouTube Channel* UiTM Cawangan Kelantan. Majlis ini adalah satu lagi kejayaan yang diperoleh

kedua-dua pihak dalam merealisasikan hubungan erat antara institusi ini. MoA yang ditandatangani ini adalah bagi tujuan pertukaran staf dan pelajar yang direncana akan diadakan secara aktif pada 3 tahun akan datang. Ia dihadiri oleh pihak pengurusan kanan kedua-dua pihak. Bagi UiTMCK, diwakili oleh Rektor, Profesor Dr. Haji Abdol Samad Nawi manakala UMN AW diwakili oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik iaitu Dr. H Anwar Sadat S.Ag. M.Hum. Dalam ucapan aluan, Rektor UiTMCK sangat berbesar hati dengan pencapaian MoA kali ini dan berharap segala perancangan aktiviti akan dapat dijayakan oleh kedua-dua pihak.

Penyedia Laporan:

Dr. Mariam Setapa

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

